

PM: Kemenangan petanda baik pulihkan kepercayaan rakyat

Oleh ISMAIL DAUD

KUALA LUMPUR 18 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan kemenangan Barisan Nasional (BN) merampas semula kerusi Parlimen Pendang daripada Pas sebagai petanda baik dan permulaan kepada usaha memulihkan kepercayaan rakyat terhadap BN.

Perdana Menteri berkata, keputusan pilihan raya itu yang turut memihak kepada Pas menerusi kemenangan di Anak Bukit membuktikan bahawa demokrasi masih subur di negara ini.

Beliau berkata, kemenangan itu adalah kemenangan rakyat yang berfikiran waras dan menolak taktik kotor seperti melempar fitnah dan sebagainya yang diamalkan oleh Pas.

Dr. Mahathir yakin sokongan yang mula ditunjukkan oleh rakyat itu akan terus bertambah pada masa depan jika BN dapat mengekalkan kempen dengan cara yang ber-sopan dan tidak menggunakan kekerasan.

Menurutnya, sejak dari awal lagi, beliau sudah menjangkakan satu pertandingan

sengit di kedua-dua kawasan itu kerana ia adalah kawasan bekas Presiden Pas yang juga Ketua Pembangkang tetapi bersyukur kerana mendapat kemenangan di Pendang dan mengurangkan majoriti Pas di Anak Bukit.

“Saya berpendapat, kita menang satu, kalah satu ini, tidaklah buruk kerana yang sebenarnya inilah kawasan yang cukup susah sekali untuk dapat kemenangan.

Bertentangan

“Saya sendiri kalah di kawasan itu (Pendang). Dulu dipanggil kawasan Kota Setar Selatan,” katanya ketika mengadakan sidang video bersama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Othman Abdul yang mengalahkan calon Pas pada pilihan raya kecil Parlimen Pendang hari ini.

Othman mendapat 22,825 undi menewaskan Dr. Mohd Hayati Othman dengan majoriti 283 undi. Di Dewan Undangan Negeri Anak Bukit pula, calon BN Datuk Zakaria Said tewas kepada calon Pas Amiruddin Hamzah dengan majoriti 508.

Sidang video itu disiarkan secara lang-

sung oleh TV1 Radio dan Televisyen Malaysia (RTM), menghubungkan Dr. Mahathir yang berada di kediaman rasminya di Putrajaya dengan Abdullah di Pusat Penjumlahan Undi di Anak Bukit dan Othman di Pendang.

Dr. Mahathir seterusnya mengingatkan pemimpin BN bahawa dengan usaha yang bersungguh-sungguh, tidak fanatik dan memahami Islam dengan baik, sokongan rakyat terhadap Pas akan terhakis sedikit demi sedikit.

Katanya, beliau kesal kerana masih ada rakyat memberikan sokongan kepada Pas yang terus mengamalkan cara kempen kekerasan yang bertentangan dengan budaya Islam dan orang Melayu.

“Saya yakin orang Melayu akan sedar tentang kesalahan yang dilakukan oleh mereka dan mereka akan bertukar fikiran (dengan tidak menyokong Pas),” katanya.

Perdana Menteri juga berharap parti-parti pembangkang dapat mengakui bahawa Malaysia adalah sebuah negara demokratik yang tulen.

■ Lihat muka 4

PM: Kemenangan petanda baik pulihkan kepercayaan rakyat

“Pembangkang patut bersyukur dengan demokrasi Malaysia dan mengakui kita adalah demokratik,” katanya.

Dalam sidang video itu, Perdana Menteri turut

merakamkan terima kasih kepada pasukan keselamatan yang telah memastikan pilihan raya itu berjalan dengan aman dan lancar.

Beliau turut mengucap-

kan terima kasih kepada semua petugas BN dan parti-parti komponen yang membantu dan menamakan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim secara

khusus kerana kerja kuatnya.

Sementara itu, pada sidang video bersama Othman, Dr. Mahathir berkata, kemenangan itu diharap akan memberi

inspirasi untuk kerajaan Kedah terus berusaha memberikan kehidupan yang lebih baik kepada rakyat dan menuju wawasan Kedah Maju 2010.